



L A P O R A N T A H U N A N

LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH & SARAWAK



2019



<http://www.lpkpsabah.gov.my>

<http://www.lpkpsarawak.gov.my/lpkp>



Lembaga Pelesenan Kenderaan
Perdagangan Sabah

Lembaga Pelesenan Kenderaan
Perdagangan Sarawak



LPKP SABAH:
088-238244 / 088-2382245

LPKP SARAWAK :
082-412073 / 082- 413303

ISI KANDUNGAN

PENGENALAN.....	1
LATAR BELAKANG	1
VISI.....	1
MISI.....	1
OBJEKTIF	1
TERAS STRATEGI	2
BIDANG KUASA DAN FUNGSI.....	2
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH	4
PERUTUSAN Pengerusi Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah.....	5
PERUTUSAN Pengarah Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah	6
ANGGOTA LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH TAHUN 2019.....	8
STRUKTUR ORGANISASI LPKP SABAH.....	10
PIAGAM PELANGGAN LPKP SABAH	11
1. PRESTASI.....	11
1.1 PRESTASI KEWANGAN	11
1.2 ANALISIS PRESTASI KEWANGAN	13
1.3 MESYUARAT LEMBAGA	17
1.4 PERMOHONAN LESEN	17
1.5 RAYUAN	20
1.6 CETAKAN LESEN	20
1.7 KEDUDUKAN LESEN AKTIF	15
1.8 DASAR-DASAR DAN PERATURAN-PERATURAN BARU TAHUN 2019	16
1.9 PROGRAM PROAKTIF LPKP SABAH TAHUN 2019	17
1.10 PENUTUP	18
LAMPIRAN.....	19
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK.....	29
PERUTUSAN Pengerusi Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak	31
PERUTUSAN Pengarah Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak.....	33
AHLI LEMBAGA LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK BAGI TAHUN 2019 ..	35
PIAGAM PELANGGAN LPKP SARAWAK.....	42
1. PRESTASI.....	43
1.1 PRESTASI KEWANGAN	43
1.2 ANALISIS KEWANGAN.....	44
1.3 MESYUARAT LEMBAGA	45

1.4	PERMOHONAN	45
1.5	RAYUAN	49
1.6	KEDUDUKAN LESEN TERKUMPUL.....	50
1.7	DASAR-DASAR DAN PERATURAN-PERATURAN BARU TAHUN 2019	51
1.8	PROGRAM – PROGRAM PELESENAN TAHUN 2019	53
1.9	SIRI MESYUARAT LEMBAGA BAGI TAHUN 2019.....	56
LAMPIRAN.....		58

PENGENALAN

LATAR BELAKANG

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) telah ditubuhkan di bawah Seksyen 3 Akta LPKP 1987 (Akta 334) bertujuan untuk melaksana dan menguatkuasa akta tersebut serta kaedah-kaedah yang telah diperuntukkan di bawahnya mengenai pelesenan dan pengawalseliaan kenderaan perdagangan dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Pada tahun 2018, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah dan Sarawak telah diletakkan di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia dan menguatkuasakan Akta LPKP 1987 (Akta 334) setelah diserahkan oleh Jabatan Perdana Menteri.

Ibu pejabat LPKP Sabah terletak di **Kota Kinabalu**, manakala, dua (2) pejabat cawangan terletak di **Tawau** dan **Sandakan**.

Ibu pejabat LPKP Sarawak pula terletak di **Kuching**, LPKP Sarawak turut mempunyai dua (2) pejabat cawangan iaitu (Zon Utara) di **Miri** dan (Zon Tengah) di **Sibu**.

VISI

“Peneraju Transformasi Perkhidmatan Kenderaan Perdagangan Bertaraf Dunia”

MISI

“Memastikan Perkhidmatan Pelesenan Kenderaan Perdagangan Berdaya Saing Tinggi, Telus, Berintegriti Dan Bersepadu”

OBJEKTIF

1. Merancang dan mewujudkan dasar dan syarat-syarat pelesenan kenderaan perdagangan.
2. Melaksana dasar, polisi dan syarat-syarat pelesenan yang telah ditetapkan.
3. Menggalakkan pelanggan yang berpotensi untuk berlesen dengan LPKP.
4. Memantau dan menilai impak pelaksanaan dasar, polisi dan syarat-syarat pelesenan.
5. Mempertimbangkan dan meluluskan permohonan baharu, membaharui dan ubah syarat lesen kenderaan perdagangan berasaskan keperluan semasa.

6. Menguatkuasakan peruntukan undang-undang di bawah Akta LPKP 1987 (Akta 334) dan kaedah-kaedah berkenaan.
7. Memantau pematuhan undang-undang oleh pengusaha kenderaan perdagangan.
8. Menyelesaikan aduan masyarakat terhadap perkhidmatan kenderaan perdagangan.
9. Meningkatkan aspek-aspek keselamatan, keselesaan dan keceriaan pengangkutan awam

TERAS STRATEGI

- a) Mewujudkan peluang perniagaan melalui pemberian lesen kenderaan perdagangan kepada organisasi atau individu yang berkeelayakan dan berminat dalam bidang ini.
- b) Memberi latihan dan khidmat nasihat kepada pengusaha kenderaan perdagangan melalui kursus dan dialog bagi mengembangkan budaya keusahawanan dan meningkatkan kefahaman mereka tentang dasar serta peraturan baru LPKP.
- c) Mewujudkan dasar dan peraturan baru bagi melindungi hak dan kepentingan pengusaha serta pengguna.
- d) Mewujudkan suasana yang kondusif bagi melahirkan usahawan berdaya saing supaya kekal dan lebih kreatif dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan.

BIDANG KUASA DAN FUNGSI

Bidang kuasa dan fungsi LPKP Sabah dan Sarawak sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta LPKP 1987 (Pindaan 1998) adalah seperti berikut:

- a) Menimbang dan meluluskan permohonan untuk mendapatkan lesen baru, membaharui dan ubahsyarat bagi semua kelas lesen kenderaan perdagangan di seluruh negeri Sabah dan Sarawak masing-masing;
- b) Mengenakan syarat-syarat ke atas semua kelas lesen kenderaan perdagangan yang meliputi penetapan kadar tambang, penentuan peringkat tambang, jadual perjalanan, bilangan penumpang, kawasan operasi, berat dan jenis barang-barang, hal-hal pengendalian dan syarat-syarat khas yang lain;
- c) Menggantung, membatalkan atau mengenakan apa-apa hukuman yang sesuai atas mana-mana kelas lesen kenderaan perdagangan yang disabitkan

kesalahan melanggar syarat lesen atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta LPKP 1987 (Pindaan 1998) serta kaedah-kaedah yang diperbuat dibawahnya serta undang-undang lain yang berkuat kuasa;

- d) Menentukan tempoh kuatkuasa lesen bagi semua kelas lesen kenderaan perdagangan;
- e) LPKP Sabah: mengeluarkan semua lesen kenderaan perdagangan dan pengangkutan awam untuk negeri Sabah dan lesen sementara ke atas kenderaan perdagangan dari Sarawak, Brunei dan Kalimantan (Indonesia) yang memasuki Sabah;
- f) LPKP Sarawak: melesenkan kenderaan perdagangan dari Sabah, Brunei, dan Kalimantan Barat Indonesia atau negara lain yang dibenar beroperasi di Sarawak;
- g) Membuat kajian laluan baru sebelum memberi pertimbangan ke atas permohonan untuk mendapatkan lesen bas bagi laluan-laluan yang dipohon;
- h) Mengumpul rekod, penyata kewangan, statistik atau dokumen lain berhubung perniagaan pemegang lesen kenderaan perdagangan;
- i) Menentukan prosedur permohonan, memproses dan menimbang permohonan lesen, mengenakan bayaran, menetapkan penalti dan menentukan tanda pengenalan kepada kenderaan perdagangan;
- j) Melaksanakan tugas-tugas yang berhubung dengan penguatkuasaan ke atas syarat-syarat lesen kenderaan perdagangan.

LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH



PERUTUSAN Pengerusi Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan keizinanNya, maka Laporan Tahunan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah dan Sarawak bagi tahun 2019 ini berjaya diterbitkan. Laporan Tahunan ini bukan sahaja sebagai wadah untuk memaparkan program dan aktiviti LPKP sepanjang tahun malah turut menjadi sumber rujukan dan panduan yang berfaedah kepada masyarakat umum.

Selari dengan kepesatan pembangunan ekonomi negeri Sabah, LPKP Sabah terus mengadakan usaha dalam mempertingkatkan kualiti perkhidmatan dan pengangkutan awam negeri Sabah melalui pelbagai program dan aktiviti yang dirancang sepanjang tahun ini. Keperluan untuk meningkatkan tahap perkhidmatan pengangkutan awam tanpa mengabaikan kesejahteraan pengguna adalah menjadi fokus utama yang mendorong LPKP Sabah mengemaskini dasar untuk disesuaikan dengan persekitaran semasa. Antaranya, adalah penetapan had usia bas sekolah, penguatkuasaan kadar tambang teksi bermeter, penyusunan zon operasi bagi bas berhenti-henti serta pelbagai lagi. Di samping itu, pengukuhan sistem penyampaian warga LPKP juga turut dititikberatkan dengan proses penambahbaikan Sistem Kenderaan Perdagangan (SIKAP), penyelarasan sistem kaunter serta usaha-usaha kualiti lain seperti mendapatkan pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) daripada pihak MAMPU. Usaha-usaha ini adalah cerminan kepada komitmen jitu warga LPKP Sabah dalam mengangkat kualiti penyampaian perkhidmatan serta kualiti perkhidmatan pengangkutan awam negeri Sabah ke taraf dunia.

Menyedari hakikat bahawa sektor pengangkutan awam bandar ini adalah merupakan salah satu daripada bidang keberhasilan utama negara, maka semestinya program-program penambahbaikan akan digandakan dalam usaha mewujudkan perkhidmatan pengangkutan awam yang bersepadu di negeri Sabah ini.

Akhir kata, sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada seluruh warga LPKP Sabah serta semua agensi Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan serta badan berkanun yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung atas komitmen dan kerjasama dalam menjayakan program-program yang telah dirancang sepanjang tahun ini. Semoga kualiti perkhidmatan dan pengangkutan awam negeri Sabah akan dapat dipertingkatkan dan setanding dengan kualiti perkhidmatan bertaraf dunia pada masa hadapan.

**TUAN HAJI SADIM BIN HAJI ABDUL
Pengerusi
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah**

PERUTUSAN PENGARAH LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya, sekali lagi kita berjaya menerbitkan Buku Laporan Tahunan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah dan Sarawak Tahun 2019 ini. Laporan tahunan ini memberi peluang kepada kita untuk sama-sama menilai prestasi pencapaian program yang telah disasarkan bagi tahun 2019.

Selari dengan aspirasi negara dalam mempertingkatkan pengangkutan awam di bandar, pelbagai program and aktiviti dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya sepanjang tahun 2019. Peningkatan mutu perkhidmatan kenderaan perdagangan serta sistem pengangkutan awam yang tersusun dan sistematik adalah menjadi fokus utama LPKP Sabah di tahun ini.

Sepanjang tahun 2019, peningkatan ketara permohonan lesen kenderaan perdagangan daripada tahun sebelumnya menunjukkan bahawa sektor pengangkutan ataupun kenderaan perdagangan terus tumbuh dan berkembang baik di Negeri Sabah ini. Justeru, dalam usaha menyokong perkembangan industri ini, pihak LPKP Sabah sentiasa bergerak seiring melaksanakan program dan aktiviti bagi meningkatkan mutu perkhidmatan kenderaan perdagangan di Negeri Sabah amnya dan pengangkutan awam khususnya. Sehubungan dengan itu, pelbagai inisiatif dan aktiviti dilaksanakan antaranya melalui kajian dan penilaian semula dasar di samping mewujudkan sistem pengangkutan awam yang tersusun melalui pelaksanaan penetapan zon operasi bagi bandar-bandar utama di Negeri Sabah.

Menyedari hakikat bahawa industri pengangkutan awam mempunyai peranan penting dalam pembangunan ekonomi negeri Sabah khususnya, pelbagai langkah telahpun diambil dan terus ditambahbaik dari semasa ke semasa melalui kajian dan penilaian semula dasar kenderaan perdagangan di Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Antara dasar baharu yang ditetapkan adalah berhubungkait dengan had usia kenderaan pengangkutan awam iaitu penetapan semula had usia bas sekolah daripada tanpa had usia kepada 30 tahun. Selain itu, pelaksanaan tambang teksi bermeter juga turut dikuatkuasakan.

Alhamdulillah, melalui usaha padu dan sokongan berterusan daripada agensi Kerajaan yang terlibat, LPKP Sabah juga mengambil beberapa langkah proaktif dalam mewujudkan sistem pengangkutan awam dengan menyusun atur laluan / kawasan operasi bas berhenti-henti serta menetapkan kod warna dan tanda badan bagi bas berhenti-henti bagi Daerah Tawau dan Sandakan. Pelaksanaan zon kawasan operasi ini akan terus dipanjangkan ke daerah-daerah lain secara berperingkat-peringkat pada masa hadapan. Dalam menjayakan program-program yang dirancang ini, LPKP Sabah juga sentiasa

berusaha memastikan bahawa perundangan dan peraturan semasa adalah dipatuhi oleh pemilik dan pengusaha kenderaan perdagangan berkenaan.

Sesungguhnya semua usaha dan inisiatif dalam meningkatkan mutu kenderaan perdagangan / pengangkutan awam khasnya di Negeri Sabah ini tidak akan terhenti di sini sahaja malah akan terus diperkasakan pada masa hadapan. Justeru, LPKP Sabah akan terus melipatgandakan usaha bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan dalam merealisasikan visi, misi dan objektif LPKP Sabah.

ARFIAN BIN JULIAN
PENGARAH / SETIAUSAHA
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH

ANGGOTA LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH TAHUN 2019



**TUAN HAJI SADIM BIN HAJI ABDUL
PENGERUSI**

**TUAN ARFIAN BIN JULIAN
SETIAUSAHA
(WAKIL KEMENTERIAN PERSEKUTUAN)**



**TUAN SUPT. MOHD. ZAMZURI BIN MOHD ISA
AHLI**

**DATO' MOHD FADZLI MOHD KENALI
AHLI**



**TUAN MOHD. RAFIE BIN ISA
AHLI SILIH GANTI**



DSP PARUM AK NIOT
AHLI SILIH GANTI

ASP DANIEL DOMINIC
AHLI SILIH GANTI



ENCIK BURHAN NUDDIN BIN MAHMUDDIN
AHLI SILIH GANTI

STRUKTUR ORGANISASI LPKP SABAH

Seksyen 5 Akta LPKP 1987 menetapkan bahawa LPKP Sabah hendaklah terdiri daripada sebelas (11) orang anggota yang dilantik oleh Menteri Pengangkutan Malaysia iaitu:-

- i) Pengerusi;
- ii) Timbalan Pengerusi;
- iii) Seorang wakil Kerajaan Negeri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pengangkutan;
- iv) Seorang wakil Jabatan Pengangkutan Jalan;
- v) Seorang wakil Kementerian Persekutuan dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi perkara yang berhubung dengan pelesenan kenderaan perdagangan yang hendaklah menjadi Setiausaha Lembaga; dan
- vi) Tidak lebih daripada enam orang lain yang pada pendapat Menteri mempunyai pengalaman luas atau pengetahuan khas mengenai perkara yang berhubung dengan pengangkutan.

Senarai Ahli Lembaga LPKP Sabah bagi tahun 2019 adalah seperti di **Lampiran A**.

Keputusan berhubung pemberian lesen dan dasar-dasar dipertanggungjawabkan kepada Ahli Lembaga yang telah dilantik oleh Menteri. Operasi harian dan fungsi LPKP Sabah berkaitan pengurusan pentadbiran dan kewangan, pelesenan serta penguatkuasaan dilaksanakan oleh organisasi yang diketuai oleh seorang Pengarah selaku Ketua Jabatan dibantu oleh dua orang Penolong Pengarah. Carta organisasi LPKP Sabah adalah seperti di **Lampiran B**.

PIAGAM PELANGGAN LPKP SABAH

LPKP berjanji untuk memberi perkhidmatan yang mesra, cekap, berkualiti dan saksama kepada semua pelanggan. Semua permohonan yang lengkap dan memenuhi syarat akan diproses dalam tempoh masa seperti berikut.

JENIS PERMOHONAN	PIAGAM PELANGGAN
1. Permohonan Baru	30 hari bekerja
2. Pemohonan Membaharui	3 hari bekerja
3. Ubah Syarat ➤ Pertimbangan Lembaga ➤ Pertimbangan Urusetia	30 hari bekerja 7 hari bekerja
4. Permohonan Lesen Asal	1 hari bekerja

1. PRESTASI

1.1 PRESTASI KEWANGAN

1.1.1 Hasil

Jumlah pendapatan LPKP Sabah bagi tempoh berakhir pada 31 Disember 2019 adalah sebanyak RM 2,958,241.00 juta.

- a. Perbandingan hasil dalam tempoh 5 tahun (2015-2019) seperti di Jadual 1.

Jadual 1



1.1.2 Peruntukan & Perbelanjaan

(i) Jumlah peruntukan yang diterima oleh LPKP Sabah bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM 8,814,991.00 juta.

a. Perbandingan Peruntukan dalam tempoh 5 tahun (2015-2019) seperti di Jadual 2.

Jadual 2



(ii) Jumlah perbelanjaan yang dilakukan oleh LPKP Sabah bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM 8,699,215.60 juta.

a. Perbandingan Perbelanjaan dalam tempoh 5 tahun (2015-2019) seperti di Jadual 3.

Jadual 3



1.2 ANALISIS PRESTASI KEWANGAN


1.2.1 Prestasi Peruntukan

Sepanjang tempoh lima (5) tahun dari 2015 sehingga 2019 Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah (LPKP Sabah) telah menerima peruntukan daripada Kementerian Kewangan Malaysia sebanyak RM26,674,033.42 juta terdiri daripada;

- Jabatan Perdana Menteri (B06) RM 17,096,340.39 juta (2015-2018);
- Kementerian Pengangkutan (B28) RM 8,699,215.60 juta (2019 - LPKP Sabah telah ditukarkan daripada Jabatan Perdana Menteri dan diletakkan di bawah Kementerian Pengangkutan pada akhir tahun 2018)

Prestasi peruntukan mengikut jenis belanja ditunjukkan seperti di Jadual 4.


Jadual 4



1.2.2 Prestasi Perbelanjaan

Dalam tempoh yang sama Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah telah berbelanja sebanyak RM 25,795,555.99 Juta atau 96.71 peratus daripada jumlah peruntukan yang diberikan. Prestasi perbelanjaan mengikut jenis belanja ditunjukkan seperti di Jadual 5.


Jadual 5



1.2.3 Prestasi Kutipan Hasil

Dalam tempoh yang sama Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah telah mengutip hasil sebanyak RM 2,958,241.00 Juta yang mana daripada jumlah tersebut sebanyak 92.01 peratus adalah kutipan hasil daripada bayaran proses pelesenan manakala 7.99 peratus daripada kutipan bayaran kompaun ke atas kesalahan kenderaan perdagangan seperti di Jadual 6.

Jadual 6



1.2.4 Aset Yang Digunakan

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah hanya mempunyai harta modal bernilai tinggi yang didaftarkan iaitu 8 unit kenderaan Jabatan.

1.2.5 Punca - Punca Kewangan

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah merupakan agensi penuh badan kerajaan persekutuan dan menerima waran peruntukan tahunan daripada Kementerian Kewangan Malaysia di bawah Belanja Mengurus B06 Jabatan Perdana Menteri sehingga tahun 2018 dan seterusnya di bawah Belanja Mengurus B28 Kementerian Pengangkutan mulai tahun 2019.

1.3 MESYUARAT LEMBAGA


LPKP Sabah telah menetapkan sebanyak 12 kali mesyuarat lembaga diadakan pada tahun 2019 dan sebanyak 12 mesyuarat telah diadakan. Butiran rekod mesyuarat adalah seperti di **Lampiran C**.

1.4 PERMOHONAN LESEN

LPKP Sabah telah menimbang dan meluluskan permohonan lesen baru, membaharui lesen dan ubahsyarat lesen seperti yang diperuntukkan di bawah Akta LPKP 1987 (Pindaan 1998) seperti berikut:-


1.4.1 Permohonan Baharu

Sebanyak **1093** permohonan dibawa ke Mesyuarat Lembaga LPKP Sabah bagi pertimbangan kelulusan untuk tahun 2019 berbanding **903** pada tahun 2018, iaitu peningkatan sebanyak **21%**. Daripada bilangan tersebut, sebanyak **941** permohonan diluluskan pada tahun 2019 berbanding sebanyak **821** permohonan diluluskan pada 2018. Perbandingan jumlah permohonan adalah seperti di **Jadual 1**.




1.4.2 Membaharui Lesen

Pada tahun 2019, bilangan permohonan membaharui lesen diterima adalah sebanyak **5087** iaitu peningkatan sebanyak 18% berbanding dengan **4299** permohonan bagi tahun 2018. Daripada jumlah tersebut, **2826** permohonan telah diluluskan berdasarkan Piagam Pelanggan pada tahun 2019 berbanding **2751** permohonan pada tahun 2018. Perbandingan jumlah permohonan adalah seperti di **Jadual 2**.



1.4.3 Ubah Syarat Lesen

Permohonan ubahsyarat lesen pada tahun 2019 adalah berjumlah **6733** berbanding **6523** pada tahun 2018 iaitu peningkatan sebanyak 3%. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **4828** permohonan ubahsyarat lesen telah diluluskan berdasarkan Piagam Pelanggan bagi tahun 2019 berbanding sebanyak **4535** permohonan bagi tahun 2018. Perbandingan jumlah permohonan adalah seperti di **Jadual 3**.



Ringkasan maklumat berkenaan permohonan dan kelulusan lesen sepanjang tahun 2019 dan perbandingan dengan tahun 2018 berdasarkan Piagam Pelanggan LPKP Sabah adalah seperti di Jadual 1.

JADUAL 1

JENIS PERMOHONAN	2018		2019	
	BILANGAN		BILANGAN	
	TERIMA	LULUS	TERIMA	LULUS
Baru	903	821	1093	941
Membaharui	4,229	2751	5087	2826
Ubah Syarat	6,523	4535	6733	4828
JUMLAH	11,655	8,107	12,913	8,595

1.5 RAYUAN

Di bawah Seksyen 27, Akta LPKP 1987 (Akta 334) telah memperuntukkan bahawa mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh Lembaga terhadap permohonan lesen baru, membaharui lesen dan pembatalan lesen, boleh membuat rayuan kepada Menteri Persekutuan. Bagi tahun 2019 tiada rayuan permohonan yang diterima.

1.6 CETAKAN LESEN

Sepanjang tahun 2019, LPKP Sabah telah mendaftarkan sebanyak **1618** unit lesen baru. Jumlah unit lesen yang didaftarkan **menurun** sebanyak **72** unit atau **4%** berbanding tahun 2019 iaitu sebanyak **1690**. Setiap unit lesen yang dikeluarkan akan dikira setelah kenderaan didaftar dan bayaran dijelaskan.

1.7 KEDUDUKAN LESEN AKTIF

Sehingga 31 Disember 2019, lesen aktif yang kini berdaftar di LPKP Sabah adalah sebanyak **38,942** lesen. Perincian mengikut pecahan kelas lesen adalah seperti di **Jadual 2**.

JADUAL 2

KENDERAAN BARANGAN		KENDERAAN PENGANGKUTAN AWAM	
KELAS LESEN	JUMLAH LESEN	KELAS LESEN	JUMLAH LESEN
LESEN PEMBAWA 'A'	20,719	TEKSI	2,294
LESEN PEMBAWA 'C'	8,371	TEKSI MEWAH	139
		KERETA SEWA	1,315
		KERETA SEWA PANDU	1,032
		TEKSI LUAR BANDAR	116
		TEKSI LAPANGAN TERBANG	267
		BAS BERHENTI-HENTI	1,880
		BAS EKSPRES	326
		BAS SEKOLAH	1,104
		BAS PEKERJA	57
		BAS CATAR	118
		BAS KILANG	0
		BAS MINI	1,185
		BAS PENGANTARA	19
JUMLAH	29,090	JUMLAH	9,852
JUMLAH KESELURUHAN			
38,942			

1.8 DASAR-DASAR DAN PERATURAN-PERATURAN BARU TAHUN 2019

Sepanjang tahun 2019, LPKP Sabah telah memperkenalkan pelbagai dasar, kaedah dan peraturan baru seperti berikut:-

Pekeliling Edaran Dalam:

- 1) Pekeliling LPKP Bil. 1/2019 - Syarat Khas Pada Lesen (Muka Hadapan), Surat Tawaran Kelulusan Permohonan Baharu Dan Surat Tawaran Kelulusan Permohonan Ubahsyarat
- 2) Pekeliling LPKP Bil. 2/2019 - Syarat Khas Pada Lesen (Muka Hadapan), Surat Tawaran Kelulusan Permohonan Baharu Dan Surat Tawaran Kelulusan Permohonan Ubahsyarat
- 3) Pekeliling LPKP Bil. 3/2019 – Terma Rujukan (TOR) Bagi Permohonan Baharu

Pekeliling Edaran Luar:

- 1) Pekeliling LPKP Bil. 1/2019 – Had Umur Kenderaan Perkhidmatan Awam di Negeri Sabah dan W.P Labuan
- 2) Pekeliling LPKP Bil. 2/2019 – Kebenaran Memiliki Pemandu Kedua Bagi Pemilik Kelas Lesen Individu Teksi, Kereta Sewa dan E-Hailing
- 3) Pekeliling LPKP Bil. 3/2019 – Pelaksanaan Kad Pemandu Bagi Kelas Lesen Teksi, Kereta Sewa dan E-Hailing di Sabah dan W.P Labuan
- 4) Pekeliling LPKP Bil. 4/2019 – Arahan Mempamerkan Pelekat Aduan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di Badan Kenderaan Perdagangan
- 5) Pekeliling LPKP Bil. 5/2019 – Penetapan Kadar Bayaran Baharu Bagi Pemprosesan Lesen LPKP Sabah
- 6) Pekeliling LPKP Bil. 6/2019 – Liberalisasi Warna Kelas Lesen Teksi Bandar dan Teksi Luar Bandar
- 7) Pekeliling LPKP Bil. 7/2019 – Garis Panduan Perkhidmatan e-Hailing di Bawah Perniagaan Pengantaraan
- 8) Pekeliling LPKP Bil. 8/2019 – Piagam Pelanggan Baharu LPKP Sabah

- 9) Pekeliling LPKP Bil. 9/2019 – Borang Permohonan dan Senarai Semak Bagi Permohonan Baharu, Membaharui, Ubahsyarat dan Permohonan Semula
- 10) Pekeliling LPKP Bil. 10/2019 – Arahan Mempamerkan Pelekat Alamat Depoh Kenderaan Pada Badan Kenderaan Perdagangan

1.9 PROGRAM PROAKTIF LPKP SABAH TAHUN 2019

Bil	Aktiviti	Tarikh	Tempat
1	Perjumpaan di antara LPKP Sabah, JPJ Sabah, Malaysia Airport Holding Berhad (MAHB) dan Persatuan Teksi Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu	22 Januari 2019	Kota Kinabalu
2	Kaunter Bergerak LPKP Sabah ke W.P Labuan	13-14 Februari 2019	W.P Labuan
3	Dialog Bersama Persatuan Teksi dan Bas Mini W.P Labuan	14 Februari 2019	W.P Labuan
4	Sesi Pertemuan dengan Syarikat Angkatan Hebat Sdn Bhd	21 Februari 2019	Kota Kinabalu
5	e-Hailing : Sesi Pertemuan Bersama Syarikat E-Hailing (Grab, MyCar dan Frenz)	28 Februari 2019	Kota Kinabalu
6	e-Hailing : Sesi Pertemuan bersama Syarikat Grabcar Sdn Bhd (GRAB)	8 April 2019	Kota Kinabalu
7	Audit Syarikat Pengangkutan di W.P Labuan	29-30 April 2019	W.P Labuan
8	Program Kaunter Bergerak ke W.P Labuan	8-9 Julai 2019	W.P Labuan
9	Sesi Pertemuan di antara LPKP Sabah, JPJ Sabah, MAHB dan Persatuan Teksi Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu sempena Penguatkuasaan e-Hailing	12 Julai 2019	Kota Kinabalu

Bil	Aktiviti	Tarikh	Tempat
10	Bengkel Khas Pelesenan 2019	19-21 Julai 2019	Kundasang
11	e-Hailing : Pertemuan dengan Syarikat Aist Sdn Bhd (MAXIM)	5 Ogos 2019	Kota Kinabalu
12	e-Hailing : Pertemuan dengan My Leisure Tour Travel Sdn Bhd (CHE)	6 Ogos 2019	Kota Kinabalu
13	e-Hailing : Pertemuan dengan Syarikat Robust Universal (M) Sdn. Bhd (1cabbie)	29 Ogos 2019	Kota Kinabalu
14	Sesi Dialog dan Perbincangan dengan Persatuan Teksi Lapangan Terbang	10 Oktober 2019	Kota Kinabalu
15	e-Hailing : Pertemuan dengan Syarikat Platforms Sdn Bhd (MyCar)	11 Oktober 2019	Kota Kinabalu
16	e-Hailing : Sesi Pertemuan bersama Syarikat Grabcar Sdn Bhd (GRAB)	15 Oktober 2019	Kota Kinabalu
17	Audit Syarikat Pengangkutan di Daerah Keningau	23 Oktober 2019	Keningau
18	Dialog Bersama Persatuan Bas Berhenti-Henti dan Bas Mini Kota Kinabalu	20 November 2019	Kota Kinabalu

1.10 PENUTUP

Dalam usaha merealisasikan matlamat yang telah digariskan, LPKP Sabah sentiasa mengambil inisiatif untuk meningkatkan sistem penyampaian serta memastikan pengangkutan awam dan barangan sentiasa cekap dan berkesan dalam memenuhi aspirasi kerajaan dan kehendak rakyat. Selaras dengan misi untuk memastikan pengangkutan awam dan kenderaan barangan selamat, efisien dan berkos efektif, LPKP Sabah akan terus menggubal dasar-dasar yang dapat membantu mewujudkan industri kenderaan perdagangan yang lebih maju dan berdaya saing. Aktiviti penguatkuasaan akan sentiasa dipertingkatkan bagi memastikan pematuhan terhadap akta dan undang-undang yang berkuatkuasa.

LAMPIRAN

SENARAI AHLI LEMBAGA
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (LPKP) SABAH
TAHUN 2019


BIL.	NAMA	JAWATAN	TARIKH LANTIKAN	TARIKH TAMAT
01.	Tuan Haji Sadim bin Haji Abdul	Pengerusi Sementara	01.01.2018	-
02.	Tuan Arfian bin Julian	Pengarah LPKP Sabah/ Setiausaha	02.05.2016	-
03.	Tuan Supt. Mohd. Zamzuri bin Mohd Isa	Ahli	01.11.2017	31.10.2019

**SENARAI AHLI SILIH GANTI LEMBAGA
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (LPKP) SABAH
TAHUN 2019**

BIL.	NAMA	JAWATAN	TARIKH LANTIKAN	TARIKH TAMAT
01.	DSP Parum Ak Niot	Ahli Silih Ganti	15.12.2015 15.12.2017	14.12.2017 14.12.2019
02.	Tuan Mohd. Rafie bin Isa	Ahli Silih Ganti	20.09.2017 20.09.2019	19.09.2019 19.09.2021
03.	ASP Daniel Dominic	Ahli Silih Ganti	15.02.2017 15.02.2019	14.02.2019 14.02.2021
04.	En.Burhan Nuddin bin Mahmuddin	Ahli Silih Ganti	29.07.2019	28.07.2020

LAMPIRAN B

CARTA ORGANISASI 2019 LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH



LAMPIRAN C

MESYUARAT LEMBAGA LPKP SABAH TAHUN 2019

BIL	MESYUARAT	KEHADIRAN	TARIKH
1	Mesyuarat Lembaga Bil.01/2019 bertempat di Bilik Mesyuarat LPKP Sabah	1. Tn Haji Sadim bin Haji Abdul (Pengerusi) 2. En Arfian bin Julian (Setiausaha) 3. Tn ASP Daniel Dominic (Ahli Silih Ganti) 4. En Sainal Abidin Tallibe (Ahli Silih Ganti) 5. Pn Noraziah binti Aslan (Urusetia Ibupejabat Kota Kinabalu) 6. En R.M Luqman bin Mohamed (Urusetia Ibupejabat Kota Kinabalu) 7. Pn Siti Zuraidah binti Sadi (Urusetia Ibupejabat Kota Kinabalu) 8. En Mohd Soffian bin Eting (Urusetia Cawangan Sandakan) 9. En T Ediyantto T Eddie (Urusetia Cawangan Tawau)	29 Januari 2019
2	Mesyuarat Lembaga Bil.02/2019 bertempat di Bilik Mesyuarat LPKP Sabah Cawangan Tawau	1. Tn Haji Sadim bin Haji Abdul (Pengerusi) 2. En Arfian bin Julian (Setiausaha) 3. Tn ASP Daniel Dominic (Ahli Silih Ganti) 4. En Sainal Abidin Tallibe (Ahli Silih Ganti) 5. Pn Siti Zuraidah binti Sadi (Urusetia Ibupejabat Kota Kinabalu) 6. En Mohd Soffian bin Eting (Urusetia Cawangan Sandakan) 7. En T Ediyantto T Eddie (Urusetia Cawangan Tawau)	26 Februari 2019
3	Mesyuarat Lembaga Bil.03/2019 bertempat di Bilik Mesyuarat LPKP Sabah	1. Tn Haji Sadim bin Haji Abdul (Pengerusi) 2. En Arfian bin Julian (Setiausaha) 3. Tn ASP Daniel Dominic (Ahli Silih Ganti) 4. En Mohd Rafie bin Isa (Ahli Silih Ganti) 5. Pn Noraziah binti Aslan (Urusetia Ibupejabat Kota Kinabalu) 6. Pn Siti Zuraidah binti Sadi (Urusetia Ibupejabat Kota Kinabalu) 7. En Mohd Soffian bin Eting (Urusetia Cawangan Sandakan) 8. En T Ediyantto T Eddie (Urusetia Cawangan Tawau) 9. En Hashim bin Yaakob (Bhg Pelesenan Puterajaya)	29 Mac 2019

BIL	MESYUARAT	KEHADIRAN	TARIKH
		10. En Mohd Zunisyam bin Shahrin (Bhg Pelesenan Puterajaya)	
4	Mesyuarat Lembaga Bil.04/2019 bertempat di Bilik Mesyuarat UTC Labuan	1. Tn Haji Sadim bin Haji Abdul (Pengerusi) 2. En Arfian bin Julian (Setiausaha) 3. Tn DSP Parum AK Niot (Ahli Silih Ganti) 4. Pn Noraziah binti Aslan (Urusetia Ibupejabat Kota Kinabalu) 5. Pn Siti Zuraidah binti Sadi (Urusetia Ibupejabat Kota Kinabalu) 6. En Mohd Soffian bin Eting (Urusetia Cawangan Sandakan) 7. En T Ediyantto T Eddie (Urusetia Cawangan Tawau)	30 April 2019
5	Mesyuarat Lembaga Bil.05/2019 bertempat di Bilik Mesyuarat LPKP Sabah	1. Tn Haji Sadim bin Haji Abdul (Pengerusi) 2. En Arfian bin Julian (Setiausaha) 3. Tn DSP Parum AK Niot (Ahli Silih Ganti) 4. En Mohd Rafie bin Isa (Ahli Silih Ganti) 5. Pn Noraziah binti Aslan (Urusetia Ibupejabat Kota Kinabalu) 6. Pn Siti Zuraidah binti Sadi (Urusetia Ibupejabat Kota Kinabalu) 7. En Datu Sahadan bin Datu Moksan (Urusetia Ibupejabat Kota Kinabalu) 8. En Mohd Soffian bin Eting (Urusetia Cawangan Sandakan) 9. En T Ediyantto T Eddie (Urusetia Cawangan Tawau)	21 Mei 2019
6	Mesyuarat Lembaga Bil.06/2019 bertempat di Bilik Mesyuarat LPKP Sabah	1. Tn Haji Sadim bin Haji Abdul (Pengerusi) 2. En Arfian bin Julian (Setiausaha) 3. En Mohd Fadzil bin Mohd Kenali (Ahli Lembaga) 4. En Mohd Rafie bin Isa (Ahli Silih Ganti) 5. Pn Noraziah binti Aslan (Urusetia Ibupejabat Kota Kinabalu) 6. En R.M Luqman bin Mohamed (Urusetia Ibupejabat Kota Kinabalu) 7. Pn Siti Zuraidah binti Sadi (Urusetia Ibupejabat Kota Kinabalu) 8. En Datu Sahadan bin Datu Moksan (Urusetia Ibupejabat Kota Kinabalu)	27 Jun 2019

BIL	MESYUARAT	KEHADIRAN	TARIKH
		9. En Mohd Soffian bin Eting (Urusetia Cawangan Sandakan) 10. En T Ediyantto T Eddie (Urusetia Cawangan Tawau)	
7	Mesyuarat Lembaga Bil.07/2019 bertempat di Bilik Mesyuarat LPKP Sabah	1. Tn Haji Sadim bin Haji Abdul (Pengerusi) 2. En Arfian bin Julian (Setiausaha) 3. Tn DSP Parum AK Niot (Ahli Silih Ganti) 4. En Mohd Rafie bin Isa (Ahli Silih Ganti) 5. Pn Noraziah binti Aslan (Urusetia Ibupejabat Kota Kinabalu) 6. En R.M Luqman bin Mohamed (Urusetia Ibupejabat Kota Kinabalu) 7. Pn Siti Zuraidah binti Sadi (Urusetia Ibupejabat Kota Kinabalu) 8. En Datu Sahadan bin Datu Moksan (Urusetia Ibupejabat Kota Kinabalu) 9. En Mohd Soffian bin Eting (Urusetia Cawangan Sandakan) 10. En T Ediyantto T Eddie (Urusetia Cawangan Tawau)	22 Julai 2019
8	Mesyuarat Lembaga Bil.08/2019 bertempat di Bilik Mesyuarat LPKP Sabah Cawangan Sandakan	1. Tn Haji Sadim bin Haji Abdul (Pengerusi) 2. En Arfian bin Julian (Setiausaha) 3. En Mohd Rafie bin Isa (Ahli Silih Ganti) 4. En Burgan Nuddin bin Mahmuddin (Ahli Silih Ganti) 5. Pn Noraziah binti Aslan (Urusetia Ibupejabat Kota Kinabalu) 6. En R.M Luqman bin Mohamed (Urusetia Ibupejabat Kota Kinabalu) 7. Pn Siti Zuraidah binti Sadi (Urusetia Ibupejabat Kota Kinabalu) 8. En Mohd Soffian bin Eting (Urusetia Cawangan Sandakan) 9. En T Ediyantto T Eddie (Urusetia Cawangan Tawau)	23 Ogos 2019
9	Mesyuarat Lembaga Bil.09/2019 bertempat di	1. Tn Haji Sadim bin Haji Abdul (Pengerusi) 2. En Arfian bin Julian (Setiausaha) 3. En Mohd Rafie bin Isa (Ahli Silih Ganti) 4. En Burgan Nuddin bin Mahmuddin (Ahli Silih Ganti)	20 September 2019

BIL	MESYUARAT	KEHADIRAN	TARIKH
	Bilik Mesyuarat LPKP Sabah	5. Pn Noraziah binti Aslan (Urusetia Ibupejabat Kota Kinabalu) 6. Pn Siti Zuraidah binti Sadi (Urusetia Ibupejabat Kota Kinabalu) 7. En Datu Sahadan bin Datu Moksan (Urusetia Ibupejabat Kota Kinabalu) 8. En Mohd Soffian bin Eting (Urusetia Cawangan Sandakan) 9. En T Ediyantto T Eddie (Urusetia Cawangan Tawau)	
10	Mesyuarat Lembaga Bil.10/2019 bertempat di Bilik Mesyuarat Pampang, Majlis Daerah Keningau	1. Tn Haji Sadim bin Haji Abdul (Pengerusi) 2. En Arfian bin Julian (Setiausaha) 3. Tn DSP Daniel Dominic (Ahli Silih Ganti) 4. En Mohd Rafie bin Isa (Ahli Silih Ganti) 5. En Burgan Nuddin bin Mahmuddin (Ahli Silih Ganti) 6. Pn Noraziah binti Aslan (Urusetia Ibupejabat Kota Kinabalu) 7. En R.M Luqman bin Mohamed (Urusetia Ibupejabat Kota Kinabalu) 8. Pn Siti Zuraidah binti Sadi (Urusetia Ibupejabat Kota Kinabalu) 9. En Mohd Soffian bin Eting (Urusetia Cawangan Sandakan) 10. En T Ediyantto T Eddie (Urusetia Cawangan Tawau)	25 Oktober 2019
11	Mesyuarat Lembaga Bil.11/2019 bertempat di Bilik Mesyuarat LPKP Sabah	1. Tn Haji Sadim bin Haji Abdul (Pengerusi) 2. En Arfian bin Julian (Setiausaha) 3. Tn DSP Daniel Dominic (Ahli Silih Ganti) 4. En Mohd Rafie bin Isa (Ahli Silih Ganti) 5. En Burgan Nuddin bin Mahmuddin (Ahli Silih Ganti) 6. Pn Noraziah binti Aslan (Urusetia Ibupejabat Kota Kinabalu) 7. En R.M Luqman bin Mohamed (Urusetia Ibupejabat Kota Kinabalu) 8. Pn Siti Zuraidah binti Sadi (Urusetia Ibupejabat Kota Kinabalu) 9. En Datu Sahadan bin Datu Moksan (Urusetia Ibupejabat Kota Kinabalu) 10. En Mohd Soffian bin Eting (Urusetia Cawangan Sandakan)	18 November 2019

BIL	MESYUARAT	KEHADIRAN	TARIKH
		11.En T Ediyantto T Eddie (Urusetia Cawangan Tawau)	
12	Mesyuarat Lembaga Bil.12/2019 bertempat di Bilik Mesyuarat LPKP Sabah	1. Tn Haji Sadim bin Haji Abdul (Pengerusi) 2. En Arfian bin Julian (Setiausaha) 3. Y.Bhg Dr Ismail Simon Charles (Ahli Lembaga) 4. Tn DSP Daniel Dominic (Ahli Silih Ganti) 5. En Mohd Rafie bin Isa (Ahli Silih Ganti) 6. En R.M Luqman bin Mohamed (Urusetia Ibupejabat Kota Kinabalu) 7. Pn Siti Zuraidah binti Sadi (Urusetia Ibupejabat Kota Kinabalu) 8. En Datu Sahadan bin Datu Moksan (Urusetia Ibupejabat Kota Kinabalu) 9. En Mohd Soffian bin Eting (Urusetia Cawangan Sandakan) 10.En T Ediyantto T Eddie (Urusetia Cawangan Tawau)	2 Disember 2019

DIREKTORI KORPORAT
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (LPKP) SABAH

Ibu Pejabat, Kota Kinabalu

Pengarah
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah
Tingkat 4, Blok C dan D
Bangunan KWSP
49, Jalan Karamunsing
88000 Kota Kinabalu, Sabah
<http://www.lpkpsabah.gov.my>

Tel: 088- 238244/245
Faks: 088- 238144

LPKP Cawangan Sandakan

Ketua Cawangan
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah
Cawangan Sandakan
Blok A4, Lot 10, Bandar Labuk Jaya
Batu 7, Jalan Labuk
Peti Surat 3630
90740 Sandakan

Tel: 089- 238244
Faks: 089- 238245

LPKP Cawangan Tawau

Ketua Cawangan
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah
Cawangan Tawau
TB 4506, Blok D
Pusat Komersial Ba Zhong
Peti Surat No. 62124
91031 Tawau

Tel : 089-759987
Faks : 089-759976

LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK



KANDUNGAN LAPORAN
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK

1. Perutusan Pengerusi
2. Perutusan Pengarah
3. Anggota Lembaga
4. Piagam Pelanggan
5. Permohonan Lesen
6. Rayuan
7. Pendaftaran Lesen Baru
8. Kedudukan Lesen Berkumpul
9. Dasar-dasar dan peraturan-peraturan baru tahun 2019

PERUTUSAN Pengerusi Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak

Salam Sejahtera,

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Tuhan kerana Laporan Tahunan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) bagi tahun 2019 telah dihasilkan dengan penuh jayanya. LPKP Sarawak adalah sebuah agensi yang bertanggungjawab dalam pelesenan dan pemantauan kenderaan perdagangan di negeri Sarawak. Fungsi LPKP Sarawak sangat penting melalui Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030 seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada bulan Oktober 2019, dalam merangka dan menyelia dasar pelesenan supaya terus relevan dan memacu daya, khususnya di Sarawak.

LPKP Sarawak sentiasa memainkan peranan dengan mengadakan kerjasama bersama pemegang-pemegang taruh dan pemain-pemain industri kenderaan perdagangan demi kepentingan rakyat terutamanya di negeri Sarawak. Ini kerana sektor kenderaan perdagangan adalah salah satu tunjang utama dalam menjana ekonomi negara. Seiring dengan perkembangan pasaran e-dagang, perkongsian pasaran yang lebih besar untuk pembelian dalam talian akan mengurangkan perjalanan pengguna untuk tujuan membeli-belah, tetapi pada masa yang sama akan meningkatkan trafik kenderaan perdagangan. Perancangan masa hadapan perlu mengambilkira perubahan ini, terutamanya dalam penghantaran batuan terakhir ke kawasan bandar yang sesak serta penggunaan pelbagai teknologi dan model perniagaan baharu.

